

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

TARIKH : 19.5.2016

SOALAN : NO. 87

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan kemajuan dalam usaha membanteras penyalahgunaan pemberian Baucer Buku 1Malaysia (BB1M) di kalangan mahasiswa dan menyatakan laporan, adakah program BB1M tersebut berjaya mencapai matlamatnya setelah dilaksanakan sejak 2012, berikutan terdapat banyak kes penipuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melaksanakan Kajian Keberkesanan Program BB1M dengan kerjasama kumpulan penyelidik daripada Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) pada bulan April sehingga September 2015 yang melibatkan 1,000 responden meliputi pelajar Tingkatan 6, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah. Kajian ini bertujuan untuk menentukan sikap pelajar terhadap program BB1M yang dilancarkan oleh Kerajaan dari aspek keberkesanan proses penyaluran oleh Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) berdasarkan persepsi pelajar. Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti tujuan penebusan baucar oleh pelajar dan punca penyalahgunaan berdasarkan pengalaman pelajar.

Hasil kajian ini mendapati keperluan utama pelajar adalah menepati matlamat penyaluran BB1M kepada pelajar selain ianya berpotensi meningkatkan minat pelajar terhadap bahan akademik bercetak.

Selain itu, KPT juga akan melaksanakan pemantauan ke atas IPT secara berjadual dari semasa ke semasa dan berdasarkan aduan yang diterima bagi memastikan BB1M tidak disalahgunakan bagi tujuan lain. Bagi pelaksanaan pada masa akan datang, nama dan nombor kad pengenalan pelajar akan dicetak terus di atas baucar oleh pihak Percetakan Nasional Malaysia Berhad. KPT juga akan mengubahsuai tempoh pemberian dan sah laku BB1M bagi memenuhi keperluan pelajar pada setiap awal semester pengajian.